

Laporan Tahunan  
**2010**  
Annual Report



AMANAH HARTA TANAH PNB

# KANDUNGAN

02	<b>Maklumat Korporat</b> <i>Corporate Information</i>
03	<b>Lembaga Pengarah Pengurus</b> <i>Board of Directors of the Manager</i>
04	<b>Pengurusan Pengurus</b> <i>Management of The Manager</i>
05	<b>Kenyataan Pengerusi</b> <i>Chairman's Statement</i>
08	<b>Penyata Butir-Butir Pengarah Pengurus</b> <i>Statement of Particulars of Directors of The Manager</i>
11	<b>Profil Pengarah-Pengarah Pengurus</b> <i>Profile of Directors of The Manager</i>
14	<b>Profil Ketua Pegawai Eksekutif Pengurus</b> <i>Profile of Chief Executive Officer of The Manager</i>
15	<b>Profil Ahli Jawatankuasa Pelaburan Hartanah</b> <i>Profile of Members of Property Investment Committee</i>
18	<b>Data Prestasi</b> <i>Performance Data</i>
19	<b>Komposisi Portfolio Pelaburan</b> <i>Composition of Investment Portfolio</i>
20	<b>Pemegangan Unit &amp; Harga Pasaran</b> <i>Unit Holdings &amp; Market Price</i>
21	<b>Portfolio Hartanah</b> <i>Real Estate Portfolio</i>
24	<b>Analisis Pemegangan Unit</b> <i>Analysis of Unit Holdings</i>
26	<b>Penyata Kewangan</b>
77	<i>Financial Statements</i>
131	<b>Halaman Maklumat Untuk Pemegang Unit</b>
133	<i>Unit Holders Resource Page</i>

# Maklumat Korporat

## Corporate Information

### PENGURUS MANAGER

Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (175967-W)  
(Diperbadankan di Malaysia / *Incorporated in Malaysia*)

### PEJABAT BERDAFTAR PENGURUS / REGISTERED OFFICE OF THE MANAGER

Tingkat 4, Balai PNB  
201-A, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Telefon : 03-20505100  
Faksimili : 03-20505878  
Emel : phnb@pnb.com.my

### LEMBAGA PENGARAH PENGURUS / BOARD OF DIRECTORS OF THE MANAGER

Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid  
(Pengerusi / *Chairman*)  
Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman  
Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil  
Dato' Abd. Wahab bin Maskan  
Dato' Seri Ainum binti Mohamed Saaid  
Dato' Idris bin Kechot

### SETIAUSAHA SYARIKAT PENGURUS / SECRETARY OF THE MANAGER

Adibah Khairiah binti Ismail @ Daud (MIA 13755)  
Tingkat 4, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur

### PENGURUSAN PENGURUS / MANAGEMENT OF THE MANAGER

Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman  
(Pengaroh Eksekutif / *Executive Director*)

Dato' Idris bin Kechot  
(Pengaroh Eksekutif / *Executive Director*)

Hafidz Atrash Kosai bin Mohd Zihim  
(Ketua Pegawai Eksekutif / *Chief Executive Officer*)

### PEMEGANG AMANAH TRUSTEE

AmanahRaya Trustees Berhad (766894-T)  
Tingkat 4, Wisma TAS, No. 21, Jalan Melaka  
50100 Kuala Lumpur  
Telefon : 03-20365000  
Faksimili : 03-20720320

### PENGURUS PELABURAN INVESTMENT MANAGER

Permodalan Nasional Berhad (38218-X)  
Tingkat 4, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

### PENGURUS HARTANAH PROPERTY MANAGER

Azmi & Co. Building Services Sdn Bhd (475267-U)  
A9-1-1, Jalan Ampang Utama 2/2  
One Ampang Business Avenue  
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan

### PENDAFTAR TABUNG AMANAH YANG MENGURUSKAN PENDAFTARAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT / REGISTRAR OF THE TRUST IN CHARGE OF THE REGISTER OF UNITHOLDERS

Symphony Share Registrars Sdn. Berhad (378993-D)  
Level 6, Symphony House  
Block D13, Pusat Dagangan Dana 1,  
Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor  
Telefon : 03-7841 8000  
Faksimili : 03-78418151 / 8152

### JURUAUDIT AUDITORS

Tetuan Hanafiah Raslan & Mohamad (AF 0002)

### PEGUAMCARA YANG MENASIHATKAN PENGURUS BERKENAAN DENGAN TABUNG AMANAH / SOLICITORS ADVISING THE MANAGER IN CONNECTION WITH THE TRUST

Tetuan Zainal Abidin & Co.

### BANK-BANK TABUNG AMANAH / BANKERS FOR THE TRUST

Maybank Islamic Berhad (787435-M)  
CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H)

### PENYENARAIAAN BURSA SAHAM / STOCK EXCHANGE LISTING

Bursa Malaysia Securities Berhad

### RASIONAL-MUKA HADAPAN / RATIONAL-COVER PAGE


Lakaran artis bagi Plaza VADS dan blok podium yang baru,  
di jangka siap sepenuhnya pada tahun 2013.  
*Artist's impression of Plaza VADS and its new podium block,  
expected to be completed fully in 2013.*



**Lembaga Pengarah Pengurus**  
*Board of Directors of The Manager*



**Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid**  
Pengerusi / *Chairman*



**Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah  
bin Che Othman**



**Dato' Seri Mohd. Hussaini  
bin Abdul Jamil**



**Dato' Abd. Wahab bin Maskan**



**Dato' Seri Ainum  
binti Mohamed Saaid**



**Dato' Idris bin Kechot**



**Pengurusan Pengurus**  
*Management of The Manager*



**Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah  
bin Che Othman**  
(Pengarah Eksekutif / *Executive Director*)



**Dato' Idris bin Kechot**  
(Pengarah Eksekutif / *Executive Director*)



**Hafidz Atrash Kosai bin Mohd Zihim**  
(Ketua Pegawai Eksekutif /  
*Chief Executive Officer*)



**Adibah Khairiah binti Ismail @Mohd Daud**  
(Setiausaha Syarikat / *Company Secretary*)

## Kenyataan Pengerusi *Chairman's Statement*



### **KENYATAAN PENERUSI**

Bagi pihak Lembaga Pengarah Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), Pengurus kepada Amanah Harta Tanah PNB (AHP), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan AHP untuk tahun berakhir 31 Disember 2010.

### **KEPUTUSAN KEWANGAN**

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, AHP memperolehi pendapatan pelaburan sebanyak RM12 juta, mewakili kenaikan sebanyak 25.26% berbanding RM9.58 juta yang dicapai pada tahun 2009. Kenaikan ini terutamanya, disumbang oleh peningkatan dalam pendapatan sewaan bersih dan juga keuntungan tidak nyata yang terhasil daripada penilaian semula hartanah AHP.

Jumlah perbelanjaan bagi tahun 2010 adalah RM1.78 juta, mewakili penurunan sebanyak RM0.34 juta atau 16.04% daripada RM2.12 juta pada tahun 2009, terutamanya disebabkan oleh kos pembiayaan yang lebih rendah dalam tahun 2010. Pendapatan sebelum cukai untuk tahun dalam tinjauan adalah RM10.23 juta berbanding RM7.46 juta dalam tahun 2009.

### **CHAIRMAN'S STATEMENT**

*On behalf of the Board of Directors of Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), as the Manager of Amanah Harta Tanah PNB (AHP), I am pleased to present the Annual Report of AHP for the year ended December 31, 2010.*

### **FINANCIAL RESULTS**

*For the financial year ended December 31, 2010, AHP earned a total investment income of RM12 million, which represents an increase of 25.26% from RM9.58 million recorded in 2009. The increase was mainly attributed to the improvement in net rental income as well as the unrealised gains arising from the revaluation of its real estates.*

*The total expenses for 2010 was RM1.78 million, representing a decrease of RM0.34 million or 16.04% from RM2.12 million recorded in 2009, which was mainly due to lower financing cost incurred in 2010. The income before taxation for the year under review was RM10.23 million as compared with RM7.46 million in 2009.*

## PENGAGIHAN PENDAPATAN

Lembaga Pengarah dan Pemegang Amanah, Amanah Raya Trustees Berhad, telah meluluskan pengagihan pendapatan akhir sebanyak 3.60 sen seunit untuk tempoh dari 1 Julai 2010 hingga 31 Disember 2010, yang akan dibayar pada 28 Februari 2011. Dengan pengagihan pendapatan interim sebanyak 3.60 sen seunit untuk tempoh dari 1 Januari 2010 hingga 30 Jun 2010 yang dibayar pada 27 Ogos 2010, jumlah pengagihan pendapatan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 adalah berjumlah RM7.2 juta atau 7.20 sen seunit. Ini mewakili peningkatan sebanyak 2.86% daripada jumlah pendapatan yang diagihkan pada tahun lepas yang berjumlah RM7 juta atau 7 sen seunit.

## PORTFOLIO PELABURAN AHP

Nilai pelaburan AHP pada 31 Disember 2010 adalah berjumlah RM156.86 juta. Ini merangkumi pelaburan hartanah pada nilai saksama berjumlah RM145.75 juta, pelaburan dalam saham tersenarai pada nilai pasaran berjumlah RM1.96 juta dan pelaburan jangka pendek berjumlah RM9.15 juta.

## PELABURAN DALAM HARTANAH

Pada 31 Disember 2010, jumlah hartanah dalam portfolio AHP telah berkurangan kepada 12 setelah pelupusan dua buah rumah kedai yang terletak di Alor Setar, Kedah dan Kuantan, Pahang. Purata kadar penghunian hartanah AHP adalah 92% dengan Bangunan AHP, yang terletak di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur dan Sri Impian yang terletak di Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur mencatatkan kadar penghunian 100% dan Plaza VADS, yang terletak di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur mencatatkan kadar penghunian yang tinggi sebanyak 92%. Baki sembilan hartanah AHP yang terdiri daripada rumah kedai, merekodkan kadar penghunian purata sebanyak 84%.

Kerja-kerja menaiktaraf dan pengubahsuaian Plaza VADS (Projek) telah bermula pada suku keempat 2010 dan sedang giat dilaksanakan. Keseluruhan Projek yang terdiri daripada pengubahsuaian dan naik taraf bangunan sedia ada dan pembinaan blok podium yang baru dijangka akan siap pada akhir 2013 dengan anggaran kos pembinaan lebih kurang RM59 juta. Projek ini bakal membuka peluang untuk menaikkan kadar sewaan kepada bakal penyewa dan kadar pembaharuan untuk sewaan sedia ada disamping penambahan kawasan sewaan bersih bangunan tersebut, apabila siap kelak.

## TINJAUAN PASARAN HARTANAH

Dalam tahun 2010, ekonomi Malaysia bangkit selepas kemelesetan tahun 2009 sebanyak 7% dalam tahun 2010 berbanding -1.7% dalam tahun 2009. (Sumber: Kementerian Kewangan) Di sepanjang tahun, beberapa inisiatif transformasi kerajaan yang merangkumi polisi strategik yang menjurus kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan tindakan untuk meningkatkan daya saing dan juga daya pengeluaran telah berjaya meningkatkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara

## DISTRIBUTION OF INCOME

*The Board of Directors and the Trustee, Amanah Raya Trustees Berhad (ART), decided on a final income distribution of 3.60 sen a unit for the period from July 1, 2010, to December 31, 2010, which is payable on February 28, 2011. With an interim income distribution of 3.60 sen a unit for the period from January 1, 2010, to June 30, 2010, which was paid on August 27, 2010, the total income distribution for the financial year ended December 31, 2010, will amount to RM7.2 million or 7.20 sen a unit. This represents an increase of 2.86% from total income distributed last year of RM7 million or 7 sen a unit.*

## INVESTMENT PORTFOLIO OF AHP

*The value of the investment of AHP as at December 31, 2010, amounted to RM156.86 million. This comprises investment in real estates at a fair value of RM145.75 million, investment in quoted shares at market value of RM1.96 million and short-term investment of RM9.15 million.*

## INVESTMENT IN REAL ESTATE

*As at December 31, 2010, the real estates in the portfolio of AHP has been reduced to 12 following the completion of disposal of two shop premises located in Alor Setar, Kedah and Kuantan, Pahang. The average occupancy rate of real estates of AHP was 92% with Bangunan AHP, located in Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur and Sri Impian, located at Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur securing 100% occupancy level, and Plaza VADS, located in Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur, securing a higher occupancy level of 92%. The remaining nine real estates of AHP, comprising shop premises, recorded an average occupancy rate of 84%.*

*The upgrading and refurbishment of Plaza VADS (the Project) has commenced in the fourth quarter of 2010. The overall completion of the Project involving the refurbishment and upgrading of the existing building and the construction of a new podium block is expected to be completed by the end of 2013 with the estimated cost of construction at RM59 million. The project, when completed, will increase the net lettable area of the building.*

## REVIEW OF THE PROPERTY MARKET

*The Malaysian economy rebounded in 2010 after experiencing a recession in 2009 at 7% growth as compared with -1.7% in 2009. (Source: Ministry of Finance) During the year, the various Government transformation initiatives which embedded strategic policies to transform the economy to high income, and measures to increase competitiveness as well as productivity have been successful in boosting investors' confidence in the economy.*



Inisiatif Kerajaan yang mengkhususkan pertumbuhan sektor swasta menjana pertumbuhan keseluruhan ditambah dengan fungsi bank dalam memberi kemudahan pembiayaan juga memberi kesan limpahan kepada permintaan ruang pejabat.

Keadaan pertumbuhan, inisiatif polisi makroekonomi yang kondusif dan juga beberapa inisiatif kerajaan untuk menjana dan meningkatkan ekonomi telah menghasilkan keseluruhan prestasi yang lebih baik, khususnya untuk pasaran hartanah dalam tahun 2010. Permintaan untuk sub sektor pejabat binaan khas meningkat sebanyak 95,204 m.p. atau 1.0% dari Januari ke September 2010. Daripada ini, Kuala Lumpur menyumbang 45% daripada jumlah ruang sewaan baru. Pada suku ketiga 2010, jumlah kadar penghunian berada pada paras 79% atau bersamaan dengan 9.6 juta m.p.. Penawaran ruang pejabat baru pula telah meningkat sebanyak 2.9% atau 343,754 m.p. dimana sebanyak 66% atau 227,018 m.p. adalah di Kuala Lumpur. Jumlah purata permintaan kadar sewaan di bangunan pejabat prima di Kuala Lumpur adalah diantara RM5.00 kps hingga RM13.00 kps.

### **PROSPEK PASARAN HARTANAH**

Pelancaran inisiatif kerajaan dijangka dapat mengekalkan optimisme pelabur dan membolehkan pertumbuhan pada 2011 dijana atas inisiatif pihak swasta. Kejayaan pelaksanaan Bajet 2011 bertemakan "Transformasi ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi" adalah sejajar dalam menggalakkan kembali pelaburan sektor swasta yang antara lain dapat menyokong pertumbuhan dalam tahun 2011.

Penekanan kepada pertumbuhan yang dipandu oleh sektor swasta juga dijangka akan meningkatkan prestasi keseluruhan pasaran hartanah dalam tahun 2011. Pasaran hartanah dijangka akan memberi prestasi yang lebih baik disebabkan oleh pelaksanaan projek berimpak tinggi dan aktiviti ekonomi yang stabil. Melangkah ke depan, sub sektor binaan khas dijangka akan menerima 1.4 juta ruang pejabat di antara 2011 hingga 2012 berdasarkan anggaran Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan. Dianggarkan sekitar 861,247 m.p. atau 62% daripada penawaran baru adalah di Kuala Lumpur. Begitu juga dengan segmen lain pasaran hartanah iaitu perumahan, industri dan kompleks beli belah memperlihatkan peningkatan permintaan dalam tahun 2011 sebagai tindak balas kepada aktiviti ekonomi yang teguh.

### **PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli Lembaga Pengarah PHNB di atas sokongan yang berterusan sepanjang tahun. Bagi pihak Lembaga Pengarah PHNB, saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada semua kakitangan PHNB atas dedikasi mereka, juga kepada Amanah Raya Trustees Berhad dan kakitangannya atas sumbangan kepada AHP. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pemegang unit AHP atas sokongan berterusan terhadap AHP.

*Government initiatives which emphasize a private-sector led growth coupled with the role of banks in facilitating lending also had a positive spillover effect on the demand for office space.*

*The improving growth conditions, accommodative macroeconomic policy initiatives as well as the various government initiatives to transform the economy contributed to a better overall performance for the property market in 2010. The demand for purpose-built office sub-sector grew by 95,204 s.m or 1.0% from January through September 2010. Of this, Kuala Lumpur absorbed 45% of the total new spaces. As at third quarter 2010, the total occupancy rate stood at 79% or equivalent to 9.6 million s.m.. On the supply side, the new office spaces increased by 2.9% or 343,754 s.m, of which 66% or 227,018 s.m were in Kuala Lumpur. The average asking rentals in the prime office buildings in Kuala Lumpur ranged from RM5.00psf to RM13.00 psf.*

### **PROSPECTS OF THE PROPERTY MARKET**

*The commencement of all Government Initiatives can be expected to sustain investors' optimism and qualifies Malaysia's growth in 2011 as a private-led initiative. Similarly, the successful implementation of Budget 2011 themed "Transformation Towards a Developed and High-Income Nation" is in line with reinvigorating private investment amongst others to support growth in 2011.*

*The emphasis on a private-sector led growth is also expected to uplift the performance of the overall property market in 2011. The property market is expected to perform better due to implementation of high-impact projects and steadier economic activity. Going forward, the purpose-built sub sector is expected to receive another 1.4 million s.m in office space between 2011 and 2012, according to the Valuation and Property Service Department, Ministry of Finance. It is estimated that about 861,247 s.m or 62% of total new supply will be in Kuala Lumpur. Similarly, the other segments of property market-residential, industrial and retail could see an uptrend in demand in 2011 in response to robust economic activities.*

### **APPRECIATION**

*I would like to extend my appreciation to members of the Board of Directors of PHNB for their support throughout the year. On behalf of the members of the Board of Directors of PHNB, I convey our appreciation to all staff members of PHNB for their dedication. Amanah Raya Trustees Berhad and its staff members also contributed much help to AHP. I express our appreciation to the unit holders of AHP for their continued support of AHP.*

**TUN AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID**  
*Pengerusi / Chairman*

# Penyata Butir-Butir Pengarah Pengurus

## Statement Of Particulars Of Directors Of The Manager

### Rekod Kedatangan Lembaga Pengarah Board of Directors' Attendance Record

Pengarah Director	Kedatangan Lembaga Pengarah Pada Mesyuarat Yang Dijalankan Pada Attendance at Board of Directors' Meeting Held on				Tarikh Perlantikan Date of Appointment	Tarikh Perletakan Jawatan Date of Resignation
	26.01.2010	01.03.2010	02.08.2010	11.11.2010		
Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid	✓	✓	✓	✓	22.01.1997	T/B
Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman	✓	✓	✓	✓	24.06.1998	T/B
Dato' Abd. Wahab bin Maskan	✓	✓	✓	✓	17.09.1990	T/B
Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Abdul Jamil	✓	✓	X	✓	12.11.1998	T/B
Dato' Seri Ainum binti Mohamed Saaid	✓	✓	✓	✓	31.03.2009	T/B
Dato' Idris bin Kechot	T/B	T/B	✓	✓	03.03.2010	T/B

✓ - Hadir / Present      X - Tidak Hadir Dengan Maaf / Absent with Apologies      T/B - Tidak berkenaan / Not Applicable

### Maklumat-maklumat Lain Other Information

#### (i) Hubungan Relationship

Tiada hubungan kekeluargaan di antara pengarah-pengarah dengan pemegang-pemegang unit utama.  
*There were no family relationship among the Directors and/or major unitholders.*

#### (ii) Percanggahan Kepentingan Conflict of Interest

Tiada pengarah-pengarah yang mempunyai percanggahan kepentingan di dalam AHP, kecuali Dato' Seri Mohd Hussaini bin Abdul Jamil yang memegang sebanyak 12,000 unit di dalam AHP.  
*None of the Directors has any conflict of interest with AHP except Dato' Seri Mohd Hussaini bin Abdul Jamil who holds 12,000 units in AHP.*

#### (iii) Sabitan Kesalahan Conviction for Offences

Pada jangkamasa sepuluh (10) tahun yang lepas, tiada pengarah-pengarah yang disabitkan dengan kesalahan selain daripada kesalahan lalulintas.  
*None of the directors has been convicted for any offences other than traffic offences within the past ten (10) years.*

#### (iv) Jawatankuasa Lembaga Board of Committee

Lembaga Pengarah syarikat pengurusan telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan Hartanah untuk membantu pihak Lembaga Pengarah menunaikan tugas-tugasnya. Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaburan Hartanah terdiri daripada ahli-ahli Lembaga Pengarah dan juga ahli luar seperti berikut:-  
*The Board of Directors of the management company has established a Property Investment Committee to assist the Board in discharging its duties. Members of the Property Investment Committee comprise members from the Board of Directors as well as external members, who are as follows:-*

No.	Ahli / Member
1.	Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Abdul Jamil (Pengerusi / <i>Chairman</i> )
2.	Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman
3.	Dato' Johan bin Ariffin
4.	Dato' Ir. Jamaludin bin Osman
5.	Professor Datuk Dr. Nik Mohd. Zain bin Nik Yusof

Tiada jawatankuasa lembaga lain yang ditubuhkan oleh syarikat pengurusan. Walaubagaimanapun, penyata kewangan AHP telah dibentangkan ke Jawatankuasa Audit Permodalan Nasional Berhad (PNB), sebagai syarikat induk kepada syarikat pengurusan. Tiada ahli Jawatankuasa Audit PNB yang menjadi pengarah kepada syarikat pengurusan.

*There were no other board committee established by the management company. However, the financial statements of AHP were presented to the Audit Committee of Permodalan Nasional Berhad (PNB), being the holding company of the management company. None of the members of the Audit Committee of PNB were the directors of the management company.*

(v) **Latihan Para Pengarah**  
***Directors' Training***

Kesemua para pengarah telah mengikuti berbagai program dalaman dan luaran bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Disamping itu, para pengarah juga digalakkan untuk menghadiri seminar, persidangan dan lain-lain program latihan bagi mengikuti perkembangan dalam industri hartanah.

*All directors have attended various in-house and external programmes to enable them to discharge their duties and responsibilities effectively. In addition, all directors are encouraged to attend seminars, conferences and various training programmes to keep abreast with developments in the real estate industry.*

**Persidangan, seminar dan program latihan yang diikuti para pengarah dalam tahun semasa adalah seperti berikut:**  
***Conferences, seminars, and training programmes attended by directors in the current year are as follows:***

- *Briefing for Financial Instrument; recognition, measurement, presentation and disclosure*
- *World Capital Market Symposium*
- *Islamic Financial Planning & Wealth Management Conference*
- *Risk Action Planning: The missing elements in an ERM Framework*
- *Director Development Program*
- *The Galaxy of Surveying Stars*
- *Leading in the New World*

(vi) **Pengarah di Lain-lain Syarikat Awam**  
***Other Directorship of Public Companies***

Pengarah <i>Director</i>	Syarikat Awam <i>Public Companies</i>
Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. NCB Holdings Berhad</li> <li>2. Yayasan Pelaburan Bumiputra</li> <li>3. Permodalan Nasional Berhad</li> <li>4. Amanah Saham Nasional Berhad</li> <li>5. Kontena Nasional Berhad</li> <li>6. The International and Commonwealth University of Malaysia Berhad</li> <li>7. Amanah Mutul Berhad</li> <li>8. PNB (UK) Limited</li> <li>9. Yayasan Karyawan</li> <li>10. Professional Golf of Malaysia</li> </ol>



(vi) **Pengarah di Lain-lain Syarikat Awam**  
**Other Directorship of Public Companies**

Pegarah <i>Director</i>	Syarikat Awam <i>Public Companies</i>
Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sime Darby Berhad</li> <li>2. Chemical Company of Malaysia Berhad</li> <li>3. Permodalan Nasional Berhad</li> <li>4. Amanah Saham Nasional Berhad</li> <li>5. PNB International Limited</li> <li>6. PNB Asset Management (Japan) Co.Ltd.</li> <li>7. Singapore Unit Trusts Limited</li> <li>8. PNB (UK) Limited</li> <li>9. Amanah Mutual Berhad</li> <li>10. Yayasan Karyawan</li> <li>11. Securities Industry Dispute Resolution Center</li> <li>12. Professional Golf of Malaysia</li> </ol>
Dato' Idris bin Kechot	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Amanah Capital Malaysia Berhad</li> <li>2. Amanah Saham Nasional Berhad</li> <li>3. Amanah Mutual Berhad</li> </ol>
Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Abdul Jamil	Tiada/Nil
Dato' Abd. Wahab bin Maskan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulan Guthrie Berhad</li> <li>2. Guthrie Ropel Berhad</li> <li>3. Highlands &amp; Lowlands Berhad</li> <li>4. Sime UEP Properties Berhad</li> <li>5. Golden Hope Plantations Berhad</li> <li>6. Mentakab Rubber Company (Malaya) Berhad</li> <li>7. Kumpulan Sime Darby Berhad</li> <li>8. Sime Engineering Services Berhad</li> <li>9. Kuala Lumpur Golf &amp; Country Club Berhad</li> </ol>
Dato' Seri Ainum binti Mohamed Saaid	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Permodalan Nasional Berhad</li> <li>2. Amanah Saham Nasional Berhad</li> </ol>

## PROFIL PENGARAH-PENGARAH PENGURUS PROFILE OF DIRECTORS OF THE MANAGER



### **TUN AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID** **(Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif)** **(Non-Independent Non-Executive Chairman)**

Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, seorang warganegara Malaysia berumur 72 tahun, dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PHNB pada 22 Januari, 1997, selaku kedudukan beliau sebagai Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB). Sebelum perantukan beliau sebagai Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Negara. Beliau mempunyai pengalaman selama lebih 35 tahun dalam perkhidmatan awam.

Beliau telah dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah untuk tahun hijrah 1420 (1999). Beliau adalah Presiden, Commonwealth Association for Public Administration and Management dari tahun 1996 sehingga tahun 1998. Tun Ahmad Sarji juga mewakili Kumpulan PNB sebagai Pengerusi di beberapa syarikat lain.

Tun Ahmad Sarji adalah lulusan daripada Universiti Malaya pada tahun 1960. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti Harvard, Amerika Syarikat dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institute of Social Studies, The Hague, Belanda.


Tun Ahmad Sarji adalah bekas Pengerusi, Institut Kefahaman Islam Malaysia, ahli Lembaga Pemegang Amanah, Pusat Pengajian Islam Oxford, Universiti Oxford United Kingdom dan Asian Institute of Management, Manila, Filipina, dan Pengerusi Bersama, Malaysian Centre for Commonwealth Studies, University of Cambridge, United Kingdom.

*Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, aged 72, a Malaysian, was appointed to the Board of Directors of PHNB on January 22, 1997, by virtue of his position as the Chairman of Permodalan Nasional Berhad (PNB). Prior to his appointment as the Chairman of PNB, Tun Ahmad Sarji was the Chief Secretary to the Government. He had more than 35 years of experience in the public service.*

*He was selected as the "Tokoh Maal Hijrah" for the Islamic year 1420 (1999). He was President, Commonwealth Association for Public Administration and Management from 1996 to 1998. Tun Ahmad Sarji also represents the PNB Group as Chairman of several companies.*

*Tun Ahmad Sarji graduated from the University of Malaya in 1960. He also holds a Masters Degree in Public Administration from Harvard University, the United States of America and a Diploma in Public Administration from the Institute of Social Studies, The Hague, Netherlands.*

*Tun Ahmad Sarji is formerly the Chairman of the Institute of Islamic Understanding Malaysia, a member of the Board of Trustees, Oxford Centre for Islamic Studies, University of Oxford, the United Kingdom, and the Asian Institute of Management, Manila, the Philippines, and Joint-Chairman, Malaysia Centre for Commonwealth Studies, University of Cambridge, the United Kingdom.*



**TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN**  
(Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)  
(*Non-Independent Executive Director*)

Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman, seorang warganegara Malaysia berumur 59 tahun, dilantik sebagai pengarah PHNB pada 24 Jun, 1998, lanjutan daripada perantikan beliau sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan PNB pada 1 Februari, 1998. Beliau mempunyai pengalaman lebih 29 tahun di dalam bidang pelaburan dan pengurusan unit amanah dan pada masa ini beliau adalah Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah PNB, Amanah Saham Nasional Berhad dan Amanah Mutua Berhad dan juga ahli Lembaga Pemegang Amanah The Merdeka Heritage Trust.

Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah adalah juga Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan sejak Mei 2007 dan menduduki beberapa Lembaga Pengarah di beberapa syarikat di Malaysia. Beliau adalah lulusan dari Institut Teknologi MARA (sekarang dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA), juga memegang Ijazah Sarjana dari Universiti of Swansea, United Kingdom. Beliau adalah Senior Fellow kepada Financial Services Institute of Australasia (FINSIA). Beliau juga adalah "Certified Financial Planner" dan "Registered Financial Planner", dan mewakili Kumpulan PNB sebagai pengarah di beberapa syarikat lain.

*Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman, aged 59, a Malaysian, was appointed as a Director of PHNB on June 24, 1998, following his appointment as the Group Chief Executive of PNB on February 1, 1998. His working experience spans over 29 years in the field of investment and unit trust management and currently he is the President and Group Chief Executive of PNB. He is also a member of the Board of Directors of PNB, Amanah Saham Nasional Berhad and Amanah Mutua Berhad as well as a member of the Board of Trustees of the Merdeka Heritage Trust.*

*Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah is also the Chairman of the Board of Directors of Universiti Malaysia Kelantan since May 2007 and sits on the Board of Directors of a number of Malaysian companies. A graduate of Institut Teknologi MARA (presently known as Universiti Teknologi MARA), he also holds a Masters degree from the University of Swansea, United Kingdom. He is a Senior Fellow of the Financial Services Institute of Australasia (FINSIA). He also holds the designation of a Certified Financial Planner and a Registered Financial Planner, and represents the PNB Group as Director in several other companies.*

**DATO' SERI MOHD. HUSSAINI BIN ABDUL JAMIL**  
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)  
(*Independent Non-Executive Director*)



Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Abdul Jamil, seorang warganegara Malaysia berumur 74 tahun, dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PHNB pada 12 November, 1998. Dato' Seri Mohd. Hussaini berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1960 dan mendapat Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang Perancangan Pembangunan dari University of London, United Kingdom, pada tahun 1973.

Sepanjang pengalaman beliau selama 30 tahun di dalam perkhidmatan awam, beliau telah menjawat beberapa jawatan kanan. Pada tahun 1982, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia. Pada tahun 1990, beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan sehingga beliau bersara pada tahun 1991. Dato' Seri Mohd. Hussaini juga merupakan ahli Lembaga Pengarah di beberapa syarikat lain.

*Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Abdul Jamil, aged 74, a Malaysian, was appointed to the Board of Directors of PHNB on November 12, 1998. Dato' Seri Mohd. Hussaini graduated with a Bachelor of Arts (Hons) Degree from University of Malaya in 1960 and obtained a Post Graduate Diploma in Development Planning from the University of London, the United Kingdom in 1973.*

*During his more than 30 years in Government service, he has occupied various senior positions. In 1982, he was appointed as the Deputy Secretary-General of the Treasury of Malaysia. In 1990 he was appointed as Secretary-General of the Ministry of Health until his retirement in 1991. Dato' Seri Mohd. Hussaini is also currently a Director of several other companies.*



**DATO' ABD. WAHAB BIN MASKAN**  
**(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)**  
*(Independent Non-Executive Director)*



Dato' Abd. Wahab bin Maskan, seorang warganegara Malaysia berumur 60 tahun, dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PHNB pada 17 September, 1990.

Dato' Abd. Wahab adalah Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Sime Darby Berhad. Sebelum dari itu, Dato' Abd. Wahab adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Guthrie Berhad (KGB) serta Golden Hope Plantation Berhad.

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah kepada syarikat tempatan dan luar negara di dalam sektor hartanah, perladangan dan sektor-sektor lain.

Dato' Abd. Wahab memegang Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan (Hartanah) dari University Reading, England. Beliau juga merupakan seorang 'Fellow' kepada Pertubuhan Juruukur Malaysia, 'Royal Institution of Chartered Surveyors (England and UK)' dan 'Fellow of Incorporated Society of Planters (FISP)' dan 'Fellow of The Malaysian Institute of Management (FMIM)'. Beliau juga merupakan ahli kepada Yayasan Laporan Kewangan (Financial Reporting Foundation), Kementerian Kewangan.

*Dato' Abd. Wahab bin Maskan, aged 60, a Malaysian, was appointed to the Board of Directors of PHNB on September 17, 1990.*

*Dato' Abd. Wahab is the Group Chief Operating Officer of Sime Darby Berhad. Dato' Abd. Wahab had held the positions of Group Chief Executives of Kumpulan Guthrie Berhad (KGB) and Golden Hope Plantation Berhad.*

*He has also held positions as Director in a number of local and overseas companies dealing in property, plantation and other sectors.*

*Dato' Abd. Wahab holds a Bachelor of Science Degree in Management (Real Estate) from the University of Reading, England. He is a Fellow of the Institution of Surveyors (Malaysia), a Fellow of the Royal Institution of Chartered Surveyors (England and UK) and a Fellow of the Incorporated Society Planters (FISP) and a Fellow of Malaysian Institute of Management (FMIM). He is also a member of the Financial Reporting Foundation (FRF) of the Ministry of Finance.*



**DATO' SERI AINUM BINTI MOHAMED SAAID**  
**(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)**  
*(Independent Non-Executive Director)*

Dato' Seri Ainum binti Mohamed Saaid, seorang warganegara Malaysia berumur 64 tahun, dilantik sebagai Pengarah PHNB pada 31 Mac 2009. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad dan Amanah Saham Nasional Berhad. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari University of Singapore dan Ijazah Sarjana Undang-Undang dari University of Brussels.

Dato' Seri Ainum adalah Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti dari tahun 1999 sehingga 2001, dan berkhidmat sebagai Peguam Negara pada tahun 2001. Beliau menyertai sektor swasta sebagai Pengarah Eksekutif Pengkalan Holdings Berhad pada tahun 1996. Beliau berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang di Corus Hotels Group UK dan kemudian menyertai Laura Ashley di UK pada tahun 2002. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Bersama di tempat yang sama dan meletakkan jawatan pada bulan Januari 2005. Dato' Seri Ainum kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Sime UEP Properties Berhad dari Mac 2005 sehingga November 2007.

*Dato' Seri Ainum binti Mohamed Saaid, aged 64, a Malaysian, was appointed to the Board of Directors of PHNB on March 31, 2009. She also sits on the Board of Directors of Permodalan Nasional Berhad and Amanah Saham Nasional Berhad. Dato' Seri Ainum holds a Bachelor Degree in Law from the University of Singapore and a Masters Degree in law from the University of Brussels.*

*Dato' Seri Ainum was Deputy Chief Executive in the Securities Commission from 1999 to 2001, and served as Attorney General in 2001. She joined the private sector as an Executive Director in Pengkalan Holdings Berhad in 1996. She served as Group Legal Advisor for the Corus Hotels Group UK and later joined Laura Ashley in UK in 2002. She was then appointed Laura Ashley UK's Joint Chief Executive Officer and resigned as its Chief Executive Officer in January 2005. Dato' Seri Ainum was appointed as an Independent Non-Executive Director of Sime UEP Properties Berhad from March 2005, to November 2007.*



**DATO' IDRIS BIN KECHOT**  
**(Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)**  
*(Non-Independent Executive Director)*

Dato' Idris bin Kechot, seorang warganegara Malaysia berumur 55 tahun, dilantik sebagai Pengarah PHNB pada 3 Mac 2010. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah Amanah Saham Nasional Berhad dan Amanah Mutual Berhad. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dari University of Stirling, United Kingdom.

Dato' Idris adalah juga Timbalan Presiden, Unit Amanah, PNB dan pernah menjawat beberapa jawatan penting dalam pengurusan PNB.

*Dato' Idris bin Kechot, aged 55, a Malaysian, was appointed to the Board of Directors of PHNB on March 3, 2010. He also sits on the Board of Directors of Amanah Saham Nasional Berhad and Amanah Mutual Berhad. He graduated with a Masters of Business Administration (Finance) from University of Stirling, United Kingdom.*

*Dato' Idris is also the Deputy President, Unit Trust, PNB and has held various key positions in the management of PNB.*

**PROFIL KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PENGURUS**  
**PROFILE OF THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER OF THE MANAGER**

**HAFIDZ ATRASH KOSAI BIN MOHD ZIHIM**



Encik Hafidz Atrash Kosai bin Mohd Zihim, seorang warganegara Malaysia berumur 35 tahun, dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PHNB pada 30 Ogos 2010.

Beliau adalah Associate atau Ahli kepada Institute of Chartered Accountants in Ireland, (ACA Ireland) dan adalah ahli dan Akauntan Bertauliah (CA) di bawah Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga adalah pemegang Capital Market Services Representative's Licence (CMSRL) dari Suruhanjaya Sekuriti, Malaysia dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama Perakaunan dan Kewangan dari Leicester DeMontfort University, England.

Encik Hafidz mempunyai pengalaman dalam sektor pelaburan dan kewangan. Sebelum menyertai PNB, beliau telah berkhidmat di dalam sektor perbankan pelaburan dan sebelumnya di dalam sektor perakaunan dan audit di mana beliau melayakkan diri sebagai seorang Akauntan Bertauliah. Beliau menyertai PNB pada tahun 2003 di Jabatan Kewangan Korporat sebelum ditukarkan ke Pejabat Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB dan seterusnya berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Korporat sebelum ditugaskan di PHNB pada awal 2010 sehingga kini. Encik Hafidz juga memegang jawatan di beberapa pertubuhan sukarela iaitu sebagai Setiausaha Kelab Famemas Kuala Lumpur & Selangor atau Kelab Penyokong Sukan Malaysia dan sebagai Bendahari, Persatuan Alumni Ireland di Malaysia. Encik Hafidz tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang unit utama AHP. Beliau juga tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan AHP serta tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan selain daripada kesalahan lalulintas dalam jangkamasa 10 tahun yang lepas.

*Encik Hafidz Atrash Kosai bin Mohd Zihim, aged 35, a Malaysian, was appointed the Chief Executive Officer of PHNB on August 30, 2010.*

*He is an Associate of the Institute of Chartered Accountants in Ireland (ACA Ireland) and a Chartered Accountant (CA) of the Malaysian Institute of Accountants. He also holds a Capital Market Services Representative's Licence from the Securities Commission of Malaysia. He graduated with a First Class Honours Degree in Accounting and Finance from Leicester DeMontfort University, England.*

*Encik Hafidz has wide experience in the investment and financial sectors. Prior to joining PNB, he was attached with a renowned investment bank and prior to that, was involved in the accounting and auditing sector where he trained professionally and completed his articleship as a Chartered Accountant. He joined PNB in 2003 in the Corporate Finance Department before joining the Office of the President and Group Chief Executive of PNB. Consequently, he was attached to the Corporate Services Department prior to his transfer to PHNB in early 2010. Encik Hafidz holds important posts in voluntary organisations such as the Secretary of Kelab Famemas Kuala Lumpur & Selangor or the Malaysia Sports Supporters Club and as the Treasurer to the Malaysian Irish Alumni Association. Encik Hafidz has no family relationship with any of the directors and/or major unitholders of AHP. He also has no conflict of interest with AHP and has not been convicted of any offences other than traffic offences within the past 10 years.*

## Butir-Butir Ahli Jawatankuasa Pelaburan Hartanah

### Particulars Of Members Of The Property Investment Committee

#### Rekod Kedatangan Ahli Jawatankuasa Pelaburan Investment Committee Members' Attendance Record

Ahli Member	Kedatangan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Hartanah Yang Dijalankan Pada Attendance of Property Investment Committee Meeting Held on		Tarikh Perlantikan Date of Appointment	Tarikh Perletakan Jawatan Date of Resignation
	16.04.2010	07.09.2010		
Dato' Seri Mohd. Hussaini bin Abdul Jamil	✓	✓	04.01.2004	T/B
Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman	✓	✓	04.01.2004	T/B
Dato' Johan bin Ariffin	✓	✓	04.01.2004	T/B
Dato' Ir Jamaluddin bin Osman	✓	✓	04.01.2004	T/B
Professor Dato' Dr. Nik Mohd Zain bin Nik Yusof	✓	✓	04.01.2004	T/B

✓ - Hadir / Present    X - Tidak Hadir Dengan Maaf / Absent with Apologies    T/B - Tidak berkenaan / Not Applicable

#### Maklumat-maklumat Lain Other Information

##### (i) Percanggahan Kepentingan Conflict of Interest

Tiada ahli jawatankuasa pelaburan hartanah yang mempunyai percanggahan kepentingan dengan AHP.  
None of the members of property investment committee has any conflict of interest with AHP.

##### (ii) Sabitan Kesalahan Conviction for Offences

Pada jangka masa sepuluh (10) tahun yang lepas, tiada ahli yang disabitkan dengan kesalahan selain daripada kesalahan lalu lintas.  
None of the members has been convicted for any offences other than traffic offences within the past ten (10) years.

## Profil Ahli Jawatankuasa Pelaburan Hartanah

### Profile Of Members Of The Property Investment Committee

<b>DATO' SERI MOHD. HUSSAINI BIN ABDUL JAMIL</b> (Pengerusi Bebas) (Independent Chairman)	Sila lihat Profil Pengarah/ Please refer to Directors' Profile
<b>TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN</b> (Ahli Tidak Bebas) (Non-independent Member)	Sila lihat Profil Pengarah/ Please refer to Directors' Profile



### **DATO' JOHAN BIN ARIFFIN**

*(Ahli Bebas)*

*(Independent Member)*

Dato' Johan bin Ariffin, seorang warganegara Malaysia berumur 51 tahun, dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pelaburan Hartanah kepada Ahli Lembaga Pengarah pada 4 Januari 2004. Dato' Johan memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi dari Indiana University, Bloomington Indiana, Amerika Syarikat pada tahun 1980 dan memperolehi MBA (Pemasaran) dari University of Miami, Coral Gables, Florida, Amerika Syarikat pada tahun 1981.

Sekarang, Dato' Johan adalah Pengerusi Mitraland Properties Sdn Bhd dan Ahli Lembaga Pengarah Malayan Banking Berhad. Beliau juga merupakan ahli lembaga pengarah di beberapa syarikat lain.

*Dato' Johan bin Ariffin, aged 51, a Malaysian was appointed as a member of the Property Investment Committee of the Board of Directors on January 4, 2004. Dato' Johan graduated with a Bachelor of Arts Degree in Economics from Indiana University, Bloomington Indiana, The United States of America in 1980 and obtained his MBA (Marketing) from University of Miami, Coral Gables, Florida, the United States of America in 1981.*

*Presently, Dato' Johan is the Chairman of Mitraland Properties Sdn Bhd and a Board Member of Malayan Banking Berhad. He is also currently a Director of several other companies.*

### **DATO' IR. JAMALUDIN BIN OSMAN**

*(Ahli Bebas)*

*(Independent Member)*

Dato' Ir Jamaludin bin Osman, seorang warganegara Malaysia berumur 55 tahun, dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pelaburan Hartanah kepada Ahli Lembaga Pengarah pada 4 Januari 2004.

Dato' Ir Jamaludin adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi Malaysia dan pada tahun 1992, beliau mengikuti Program Pembangunan Pengurusan di Asian Institute of Management. Beliau adalah Jurutera Profesional berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia dan beliau juga adalah ahli Institute of Engineers Malaysia.

Dato' Ir Jamaludin memulakan kerjaya sebagai jurutera awam di Development of Authority of Pahang Tenggara pada tahun 1979 dan kemudiannya di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pada tahun 1981, beliau menyertai Petronas sebagai Jurutera Projek, selepas itu berkhidmat selama 19 tahun di Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan (SPPK). Pengalaman ini mengasah kemahiran beliau dalam bidang pemasaran dan pengurusan, seterusnya sehingga dilantik menjadi Pengarah Urusan di SPPK pada tahun 1999 dan seterusnya sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Island & Peninsular Berhad (Kumpulan I&P) pada tahun 2005.

Dengan latarbelakang dalam pelbagai bidang tugas dan industri selama lebih tiga dekad, Dato' Ir Jamaludin telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan I&P dengan tanggungjawab penuh yang merangkumi bidang kecemerlangan operasi, kawalan kewangan, perancangan strategik dan pembangunan sumber manusia dengan rekod kepimpinan yang cemerlang kepada Kumpulan I&P. Beliau juga adalah ahli lembaga pengarah Kumpulan I&P dan beberapa syarikat lain termasuk Petaling Garden Sdn. Berhad, Perumahan Kinrara Berhad dan Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Berhad.

*Dato' Ir Jamaludin bin Osman, aged 55, a Malaysian was appointed as a member of the Property Investment Committee of the Board of Directors on January 4, 2004.*

*Dato' Ir Jamaludin holds a degree in Civil Engineering from University Teknologi Malaysia and in 1992, completed a Management Development Programme with the Asian Institute of Management. He is a registered professional engineer with the Board of Engineers Malaysia and a member of the Institute of Engineers Malaysia.*

*Dato' Ir Jamaludin started his career as a civil engineer with the Development Authority of Pahang Tenggara in 1979 and subsequently with Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. In 1981, he joined Petronas as a Project Engineer, after which he spent 19 eventful years at Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan (SPPK). This served as a platform for him to nurture his marketing and management skills, which led to his appointment as Managing Director of SPPK in 1999 and eventually as Group Managing Director of renowned Island & Peninsular Berhad, property developer in 2005.*

*With diverse functional and industry background over a period that spans more than three decades, Dato' Ir. Jamaludin has assumed the role of Group Managing Director of the I&P Group of Companies with full accountability across the areas of operational excellence, financial controls, strategic planning and human resource development with an excellent track record in providing leadership to the I&P Group. He also sits on the board of the I&P Group and several other companies including Petaling Garden Sdn. Berhad, Perumahan Kinrara Berhad and Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Berhad.*



**PROF. DATUK DR. NIK MOHD. ZAIN BIN NIK YUSOF**

*(Ahli Bebas)*

*(Independent Member)*

Prof. Datuk Dr. Nik Mohd. Zain bin Haji Nik Yusof, seorang warganegara Malaysia berumur 64 tahun, dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pelaburan Hartanah kepada Ahli Lembaga Pengarah pada 4 Januari 2004.

Prof. Datuk Dr. Nik Mohd Zain adalah lulusan dengan Kepujian dari Universiti Malaya. Memperoleh Ijazah Sarjana di Wisconsin, Amerika Syarikat dan kemudiannya mendapat PhD dalam Undang-undang dari University of Kent, United Kingdom.

Sebelum ini, Prof. Datuk Dr. Nik Mohd Zain memegang beberapa jawatan penting di sektor swasta dan badan kerajaan seperti Pengarah Bank Rakyat dan Kumpulan Syarikat FELDA, Pengarah Jabatan Tanah dan Galian, Malaysia, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Malaysia. Pada tahun 2002, beliau mewakili Malaysia dalam tuntutan ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di Mahkamah Antarabangsa di Hague, Belanda.

Prof. Datuk Dr Nik Mohd Zain pernah berkhidmat sebagai profesor di Fakulti Pentadbiran Tanah dan Pembangunan Tanah di Universiti Teknologi Malaysia dari tahun 2003 hingga Januari 2005. Sekarang, beliau mengendalikan syarikat konsultan tanah dan hartanah sendiri yang diberi nama BIG Property Consultants Sdn. Berhad. Beliau juga merupakan ahli lembaga pengarah kepada Syarikat Felda Property Sdn. Berhad, ahli kepada Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia dan Pengerusi Yayasan Peneroka Negara. Beliau juga dilantik sebagai Profesor Adjunct di Jabatan Pengurusan Tanah di Universiti Putra Malaysia dari tahun 2006.

*Prof. Datuk Dr. Nik Mohd. Zain bin Haji Nik Yusof, aged 64, a Malaysian was appointed as a member of the Property Investment Committee of the Board of Directors on January 4, 2004.*

*Prof. Datuk Dr. Nik Mohd Zain graduated with honours from University of Malaya in 1969. Obtained his Masters in Wisconsin, USA and later gained a PhD in law from University of Kent, UK.*

Pendapatan faedah daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan	(235,548)	(200,668)
Dividen kasar daripada pelaburan dalam:		
- Aset berkaitan hartanah	(4,460)	(6,857)
- Aset bukan berkaitan hartanah	(83,939)	(48,810)
Kos pembiayaan	23,019	-
Pendapatan kendalian sebelum perubahan modal kerja	7,758,829	6,776,299
Pertambahan cukai boleh dituntut	(10,785)	(329,024)
Pengurangan/(Pertambahan) penghutang	137,253	(1,153,106)
Pengurangan pemiutang-pemiutang lain	(99,126)	(359,035)
Pertambahan deposit-deposit sewaan	131,187	183,312
Pertambahan terhutang kepada Pengurus	2,602	693
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi	7,919,960	5,119,139

### ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN

Pelaburan dalam hartanah	(1,983,891)	-
Perolehan daripada pelupusan:		
- Hartanah	1,460,000	-
- Aset berkaitan hartanah	-	185,536
- Aset bukan berkaitan hartanah	351,785	1,079,304
Pembelian:		
- Aset berkaitan hartanah	(32,316)	(99,171)
- Aset bukan berkaitan hartanah	(723,492)	(750,834)
Faedah diterima	223,604	204,344

**PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)**

	<b>2010</b>	<b>2009</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN (SAMB.)</b>		
Dividen diterima daripada pelaburan dalam:		
- Aset berkaitan hartanah	4,460	6,857
- Aset bukan berkaitan hartanah	90,290	70,870
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti pelaburan	<u>(609,560)</u>	<u>696,906</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN</b>		
Penggunaan pinjaman daripada kemudahan kredit pusingan	933,689	-
Kos berkaitan pinjaman dibayar	(15,597)	
Pembayaran pengagihan pendapatan	(7,349,921)	(6,750,000)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan	<u>(6,431,829)</u>	<u>(6,750,000)</u>
<b>PERTAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI</b>	<b>878,571</b>	<b>(933,955)</b>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	<b>8,274,014</b>	<b>9,207,969</b>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b><u>9,152,585</u></b>	<b><u>8,274,014</u></b>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:</b>		
Tunai dan baki di bank	183,135	72,494
Deposit dengan institusi-institusi kewangan (Nota 15)	8,969,450	8,201,520
	<u>9,152,585</u>	<u>8,274,014</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

## 1. TABUNG AMANAH, PENGURUS DAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Amanah Harta Tanah PNB ("AHP" atau "Tabung Amanah"), sebuah Amanah Pelaburan Hartanah, telah diperlembagakan di bawah Surat Ikatan Amanah bertarikh 20 Mac 1989 di antara Pengurusnya iaitu Pelaburan Hartanah Nasional Berhad ("PHNB"), Pemegang Amanah iaitu Amanah Raya Berhad dan beberapa orang yang memegang unit-unit di dalam Tabung Amanah.

AHP telah dilancarkan pada 21 Mac 1989 dan telah disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") pada 28 Disember 1990. Aktiviti utama Tabung Amanah adalah pelaburan dalam hartanah dan pelaburan lain yang dibenarkan dengan objektif mencapai pulangan yang berterusan dan penambahan nilai modal bagi jangka masa panjang. Tiada sebarang perubahan besar dalam aktiviti utama di sepanjang tahun.

Pengurus, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, adalah anak syarikat Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Aktiviti utama Pengurus ialah pengurusan tabung amanah pelaburan hartanah. Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama di sepanjang tahun.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Aktiviti utamanya adalah memegang pelaburan untuk meningkatkan pegangan modal saham masyarakat Bumiputera dalam sektor korporat di Malaysia.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Pengurus untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 28 Januari 2011.

## 2. TEMPOH TABUNG AMANAH

Tabung Amanah akan meneruskan operasinya sehingga ke satu tempoh yang akan ditetapkan oleh Pemegang Amanah dan Pengurus seperti yang termaktub di bawah peruntukan Klausa 23 Surat Ikatan Amanah Tambahan Ketiga AHP.

## 3. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

### (a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah kecuali pelaburan dalam hartanah dan sekuriti disebut harga yang dinyatakan pada nilai saksama.

Penyata kewangan ini disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") dan Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti berkenaan Amanah Pelaburan Hartanah di Malaysia.

### (b) Perubahan Dalam Dasar Perakaunan

Dasar perakaunan yang digunakan adalah konsisten dengan tahun kewangan sebelum ini, kecuali penggunaan FRSs baru dan disemak, dan IC Interpretasi yang akan berkuatkuasa untuk tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Kecuali sebagaimana yang diterangkan di bawah ini, IC Interpretasi dan FRSs baru dan disemak ini tidak menimbulkan kesan yang signifikan terhadap laporan kewangan Tabung Amanah.



### **3. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)**

#### **(b) Perubahan Dalam Dasar Perakaunan (Samb.)**

##### **(i) FRS 7 Instrumen Kewangan : Pendedahan**

Sebelum 1 Januari 2010, maklumat mengenai instrumen kewangan telah didedahkan sesuai dengan keperluan FRS 132 Instrumen Kewangan: Pembentangan dan Pendedahan. FRS 7 memperkenalkan pendedahan baru untuk meningkatkan maklumat tentang instrumen kewangan. Hal ini mensyaratkan pendedahan maklumat kualitatif dan kuantitatif tentang pendedahan risiko yang timbul daripada instrumen kewangan, termasuk pendedahan minimum mengenai risiko kredit, risiko kecairan dan risiko pasaran, termasuk analisis sensitiviti terhadap risiko pasaran.

Tabung Amanah telah melaksanakan FRS 7 secara prospektif sesuai dengan peruntukan transisi. Oleh kerana itu, pendedahan baru tidak dilaksanakan untuk perbandingan. Pendedahan yang baru adalah bagi seluruh laporan kewangan untuk tahun yang berakhir 31 Disember 2010.

##### **(ii) FRS 8 Segmen Operasi ("FRS 8")**

FRS 8, yang menggantikan FRS 114 Segmen Laporan, mensyaratkan pendedahan maklumat tentang segmen operasi Tabung Amanah, berdasarkan maklumat tentang komponen dari entiti yang mana tersedia kepada pengambil keputusan operasi untuk tujuan memperuntukkan sumber-sumber kepada segmen dan menilai prestasi mereka, dan menggantikan keperluan Tabung Amanah untuk menentukan segmen laporan primer (perniagaan) dan sekunder (geografi).

Untuk tujuan pengurusan, Tabung Amanah hanya memiliki satu segmen operasi iaitu hartanah. Penerapan piawai telah mengakibatkan perubahan dalam cara bagaimana maklumat segmen dibentangkan. Tabung Amanah telah menerapkan FRS 8 secara retrospektif.

##### **(iii) FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan (Semakan) ("FRS 101")**

Semakan FRS 101 memperkenalkan perubahan dalam pembentangan dan pendedahan laporan kewangan. Piawai semakan memisahkan pemilik dan bukan-pemilik, bagi perubahan dalam ekuiti. Penyata perubahan dalam ekuiti hanya merangkumi butiran transaksi dengan pemilik, dengan semua perubahan bukan-pemilik bagi ekuiti yang dibentangkan dalam satu baris. Piawai ini juga memperkenalkan penyata pendapatan komprehensif, dengan semua item pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf dalam untung rugi, bersama-sama dengan semua item yang lain dari pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, baik dalam satu penyata tunggal, atau dalam dua penyata yang berkaitan. Tabung Amanah telah memilih untuk membentangkan penyata ini sebagai satu penyata tunggal.

Selain itu, laporan kedudukan kewangan diperlukan pada awal tempoh perbandingan yang paling awal selepas perubahan dasar perakaunan, pembetulan kesalahan atau klasifikasi item-item dalam laporan kewangan.

Semakan FRS 101 diterap secara retrospektif oleh Tabung Amanah.

##### **(iv) Pindaan kepada FRS 132 Instrumen Kewangan: Pembentangan dan FRS 101 Pembentangan Laporan Kewangan - Instrumen Kewangan Puttable dan Tanggungan yang wujud semasa pencairan ("Pemindaan kepada FRS 132 dan FRS 101")**

Pemindaan kepada FRS 132 dan FRS 101 akan berkuatkuasa untuk tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Pemindaan kepada FRS 132 memerlukan entiti untuk mengklasifikasikan instrumen kewangan puttable sebagai ekuiti sekiranya instrumen mempunyai ciri-ciri khusus tertentu dan memenuhi syarat tertentu. Pemindaan kepada FRS 101 memerlukan pendedahan maklumat tertentu yang berkaitan dengan instrumen puttable diklasifikasikan sebagai ekuiti. Jumlah ekuiti menunjukkan nilai aset bersih ("NAB") yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang unit.

### **3. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)**

#### **(b) Perubahan Dalam Dasar Perakaunan (Samb.)**

- (iv) **Pindaan kepada FRS 132 Instrumen Kewangan: Pembentangan dan FRS 101 Pembentangan Laporan Kewangan - Instrumen Kewangan Puttable dan Tanggungan yang wujud semasa pencairan ("Pemindaan kepada FRS 132 dan FRS 101") (Samb.)**

Modal pemegang-pemegang unit mempunyai ciri-ciri dan memenuhi keperluan untuk diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti. Akibatnya, pada saat penerapan Pindaan FRS 132, unit pemegang modal adalah sebanyak RM153,666,898 (31 Disember 2009: RM150,791,715, 1 Januari 2009: RM150,078,135) diklasifikasikan semula daripada liabiliti kewangan kepada ekuiti kewangan. Pengagihan dilakukan oleh Tabung Amanah, diiktiraf sebagai pengagihan pendapatan dalam ekuiti pada tempoh di mana mereka dinyatakan.

- (v) **FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran**

FRS 139 menetapkan prinsip untuk pengiktirafan dan pengukuran aset kewangan, liabiliti kewangan dan beberapa kontrak untuk membeli dan menjual item bukan-kewangan. Tabung Amanah telah menerapkan FRS 139 secara prospektif pada tarikh 1 Januari 2010 sesuai dengan peruntukan transisi. Tidak ada kesan pada awal baki atau perbandingan yang timbul dari pelaksanaan piawai ini. Keterangan lanjut perubahan dasar perakaunan dan kesannya terhadap klasifikasi instrumen kewangan yang timbul dari pelaksanaan FRS 139 dibincangkan di bawah ini:

#### Sekuriti ekuiti disebut harga

Sebelum 1 Januari 2010, pelaburan Tabung Amanah dalam sekuriti ekuiti disebut harga dilakukan pada harga pasaran disebut harga terkini di Bursa Saham Malaysia Berhad ("Bursa Malaysia").

Setelah pelaksanaan FRS 139, pelaburan ini diklasifikasikan pada tarikh 1 Januari 2010 sebagai instrumen kewangan yang dipegang pada nilai saksama melalui laporan untung rugi ("FVTPL") dan dinyatakan mengikut nilai saksama tersebut. Nilai saksama sekuriti ekuiti disebut harga ditentukan dengan merujuk pada harga pasaran tawaran yang diterbitkan pada tarikh laporan.

Untuk instrumen disebut harga di Bursa Malaysia, harga pasaran tawaran ditentukan dengan merujuk pada teori harga penutupan pasaran yang diterbitkan oleh Bursa Malaysia.

#### **(c) Piawai Telah Diterbitkan Tetapi Belum Berkuatkuasa**

Tabung Amanah tidak melaksanakan piawai yang berikut dan tafsiran yang telah diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa:

##### **Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Mac 2010**

- \*Perubahan kepada FRS 132 Instrumen Kewangan: Pembentangan

##### **Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010**

- FRS 1 : Pertama Kali Penerimaan Piawai Laporan Kewangan
- FRS 3: Kombinasi Perniagaan (semakan)
- Pindaan kepada FRS 127 : Pencantuman dan Pemisahan Penyata Kewangan
- Pindaan kepada FRS 2 : Syer Berasaskan Bayaran
- Pindaan kepada FRS 5 : Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Dijual dan Pemberhentian Operasi
- Pindaan kepada FRS 138 : Aset Tidak Nampak
- Pindaan kepada IC Interpretasi 9 : Penilaian Semula Derivatif Tertanam
- IC Interpretasi 12 : Perkhidmatan Kompromi Perjanjian
- IC Interpretasi 16 : Lindung Nilai atas Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing
- IC Interpretasi 17 : Pengagihan Aset Bukan Tunai kepada Pemilik

### **3. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)**

#### **(c) Piawai Telah Diterbitkan Tetapi Belum Berkuatkuasa (Samb.)**

##### **Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2011**

- FRS 1 : Pertama Kali Penerimaan Piawai Laporan Kewangan
- FRS 3: Kombinasi Perniagaan (semakan)
- Pindaan kepada FRS 127 : Pencantuman dan Pemisahan Penyata Kewangan
- Pindaan kepada FRS 2 : Syer Berasaskan Bayaran
- Pindaan kepada FRS 5 : Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Dijual dan Pemberhentian Operasi
  - Pindaan kepada FRS 138 : Aset Tidak Nampak
- Pindaan kepada IC Interpretasi 9 : Penilaian Semula Derivatif Tertanam
- IC Interpretasi 12 : Perkhidmatan Kompromi Perjanjian
- IC Interpretasi 16 : Lindung Nilai atas Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing
- IC Interpretasi 17 : Pengagihan Aset Bukan Tunai kepada Pemilik
- Pindaan kepada FRS 1 : Pertama Kali Penerimaan Piawai Laporan Kewangan
  - Pengecualian Terhadap daripada FRS 7: Pendedahan untuk Penerima Pertama Kali
- Pindaan kepada FRS 1 : Pertama Kali Penerimaan Piawai Laporan Kewangan
  - Pengecualian Tambahan untuk Penerima Pertama Kali
- Pindaan kepada FRS 1 : Pertama Kali Penerimaan Piawai Laporan Kewangan
  - Peningkatan ke FRSs (2010)
- Pindaan kepada FRS 2 : Saham Berasaskan Bayaran
  - Kumpulan Tunai dijelaskan oleh Saham berasaskan Transaksi Bayaran

##### **Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2011 (Samb.)**

- Pindaan kepada FRS 3 : Kombinasi Perniagaan
  - Peningkatan ke FRSs (2010)
- Pindaan kepada FRS 7 : Meningkatkan Pendedahan tentang Instrumen Kewangan
- Pindaan kepada FRS 7 : Instrumen Kewangan: Pendedahan
  - Peningkatan ke FRSs (2010)
- Pindaan kepada FRS 101 : Pembentangan Penyata Kewangan
  - Peningkatan ke FRSs (2010)
- Pindaan kepada FRS 121 : Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing
  - Peningkatan ke FRSs (2010)
- Pindaan kepada FRS 131 : Faedah dalam Usaha Sama
  - Peningkatan ke FRSs (2010)
- Pindaan kepada FRS 132 : Instrumen Kewangan : Pendedahan dan Pembentangan
  - Peningkatan ke FRSs (2010)
- Pindaan kepada FRS 134: Laporan Kewangan Interim : Pendedahan dan Pembentangan
  - Peningkatan ke FRSs (2010)
- Pindaan kepada FRS 139 : Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran
  - Peningkatan ke FRSs (2010)
- IC Interpretasi 4 : Menentukan Samada Suatu Perjanjian Mengandungi Pajak

##### **Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2011**

- IC Interpretasi 19 : Menghapuskan Liabiliti Kewangan dengan Instrumen Ekuiti
- Pindaan kepada IC Interpretasi 14 : Bayaran Muka Keperluan Minimum Dana

##### **Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012**

- FRS 124 : Pendedahan Pihak Berkaitan
- IC Interpretasi 15 : Perjanjian untuk Pembentukan Harta Tanah
- IC Interpretasi 18 : Pindahan Aset daripada Pelanggan

### **3. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)**

#### **(c) Piawai Telah Diterbitkan Tetapi Belum Berkuatkuasa (Samb.)**

**Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 30 Ogos 2012**

- Pindaan kepada IC Interpretasi 15 : Perjanjian untuk Pembentukan Harta Tanah
- \* Pindaan terhadap FRS 132 seperti yang dinyatakan dalam Piawai perenggan 95A, 97AA dan 97AB harus diguna pakai dalam laporan kewangan untuk tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Perubahan piawai dalam perenggan 11, 16 dan 97E, yang berkaitan dengan Klasifikasi Isu Hak harus digunakan dalam laporan kewangan untuk tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Mac 2010.

Tabung Amanah bercadang untuk menerapkan piawai tersebut apabila ia berkuatkuasa dalam tempoh sepatutnya. Piawaian ini dijangka tidak mempunyai kesan ketara terhadap laporan kewangan Tabung Amanah pada awal permulaan ia diaplikasikan.

#### **(d) Aset Kewangan**

Aset kewangan diiktiraf dalam laporan aset kewangan dan liabiliti jika, dan hanya jika, Tabung Amanah menjadi pihak terlibat kepada peruntukan kontrak bagi instrumen kewangan.

Apabila aset kewangan diiktiraf awalnya, ia diukur pada nilai saksama, dan dalam hal aset kewangan tidak pada nilai saksama melalui laporan untung rugi, ia adalah berkaitan secara langsung dengan kos transaksi.

Tabung Amanah menentukan klasifikasi aset kewangan mereka pada awal pengiktirafan, dan aset kewangan termasuk hutang piutang, deposit dengan institusi kewangan, aset berkaitan hartanah dipegang pada nilai saksama melalui untung rugi, aset berkaitan bukan hartanah yang dipegang pada nilai saksama melalui untung rugi dan, tunai dan baki bank.

##### **(i) Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui untung rugi ("Fair Value through profit or Loss - FVTPL")**

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi jika ia dipegang untuk perdagangan atau ditetapkan seperti saat awal pengiktirafan. Aset kewangan adalah dipegang untuk perdagangan termasuk sekuriti ekuiti disebut harga yang diperolehi terutamanya untuk tujuan jualan dalam tempoh terdekat.

Setelah pengiktirafan awal, aset kewangan yang dipegang pada FVTPL diukur berdasarkan nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama yang mana instrumen kewangan tersebut telah dicatat dalam 'keuntungan bersih atau kerugian atas aset kewangan yang dipegang pada FVTPL'. Faedah yang diperolehi dan unsur-unsur pendapatan dividen instrumen tersebut direkodkan secara berasingan dalam 'pendapatan faedah' dan 'dividen keuntungan kasar', masing-masing. Perbezaan kadar pertukaran atas aset kewangan yang dipegang pada FVTPL tidak diiktiraf, direkod secara berasingan dalam laporan untung rugi tetapi termasuk dalam keuntungan bersih atau kerugian bersih atas perubahan nilai saksama aset kewangan yang dipegang pada FVTPL.

##### **(ii) Pinjaman dan Penghutang Lain**

Aset kewangan dengan pembayaran tetap atau telah ditentukan yang tidak disebut harga di pasaran aktif adalah diklasifikasikan sebagai piutang. Tabung Amanah merangkumi penghutang lain jangka pendek dalam klasifikasi ini.

Setelah pengiktirafan awal, pinjaman dan hutang diukur pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan penghutang lain tidak lagi diiktiraf atau mengalami penurunan nilai, dan melalui proses pelunasan.

### **3. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)**

#### **(e) Penurunan Nilai Aset Kewangan**

Tabung Amanah menilai pada setiap tarikh pelaporan bagi menentukan jika ada bukti yang objektif bahawa aset kewangan mengalami penurunan nilai. Untuk penghutang perdagangan dan penghutang lain bagi menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa kerugian penurunan nilai aset kewangan telah timbul, Tabung Amanah mempertimbangkan faktor-faktor seperti kemungkinan insolvensi atau kesulitan kewangan yang signifikan dari penghutang dan penangguhan yang signifikan dalam pembayaran. Bukti objektif penurunan nilai portfolio penghutang lain boleh merangkumi pengalaman masa lalu mengutip pembayaran, peningkatan jumlah bayaran tertunda dalam portfolio melebihi tempoh kredit purata dan perubahan dalam keadaan ekonomi nasional atau tempatan yang diperhatikan berkaitan dengan ketidak-bayaran penghutang lain. Jika ada bukti-bukti tersebut terjadi, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah aset yang tercatat dan nilai kini yang menjangka aliran tunai masa depan didiskaun dengan kadar faedah efektif asal aset kewangan itu. Kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nilai tercatat aset kewangan dikurangkan dengan kerugian penurunan nilai secara langsung untuk semua aset kewangan dengan pengecualian penghutang perdagangan, dimana nilai tercatat dikurangkan melalui penggunaan akaun penyisihan. Apabila penghutang perdagangan tidak dapat dikumpul, maka dihapus bukukan dengan akaun penyisihan.

Jika dalam tempoh berikutnya, jumlah penurunan kerugian berkurang dan penurunan dapat dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas penurunan nilai diiktiraf, maka kerugian penurunan nilai yang diiktiraf sebelumnya, dibatalkan apabila nilai tercatat aset tidak melebihi kos bayaran yang dilunaskan pada tarikh pembatalan. Jumlah pembatalan diiktiraf dalam laporan untung atau rugi.

#### **(f) Liabiliti Kewangan**

Liabiliti kewangan diklasifikasikan mengikut tatacara kontrak perjanjian yang ditandatangani dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop FRS 139, diiktiraf dalam laporan kedudukan kewangan jika, dan hanya jika, Tabung Amanah menjadi pihak terlibat dengan peruntukan kontrak daripada instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai Liabiliti kewangan yang lain.

Liabiliti kewangan yang meliputi penghutang dan penghutang yang lain pada awalnya diiktiraf mengikut nilai wajar ditambah kos transaksi berkaitan dan kemudiannya dikira pada kos diamortisasi dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Liabiliti kewangan tidak lagi diakui ketika liabiliti di bawah liabiliti dipadamkan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung dan rugi ketika liabiliti diakui, dan melalui proses amortisasi.

#### **(g) Peralatan, Perabot dan Kelengkapan dan Susutnilai**

Peralatan, perabot dan kelengkapan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Polisi bagi pengiktirafan dan pengiraan kerugian rosot nilai adalah selaras dengan Nota 3(i).

Susutnilai diperuntukkan ke atas kos peralatan, perabot dan kelengkapan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat kegunaan pada kadar tahunan berikut:

Peralatan	20%
Perabot dan Kelengkapan	20%
Peralatan Komputer	25%



### **3. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)**

#### **(g) Peralatan, Perabot dan Kelengkapan dan Susutnilai (Samb.)**

Perbezaan di antara penerimaan bersih pelupusan dan nilai dibawanya dikenakan atau dikreditkan kepada penyata pendapatan komprehensif apabila peralatan, perabot dan kelengkapan dilupuskan.

#### **(h) Hartanah**

Hartanah merangkumi tanah dan bangunan dinyatakan pada nilai saksama pada setiap tarikh lembaran imbangan, mewakili nilai pasaran yang ditentukan oleh jurunilai luaran. Keuntungan dan kerugian yang terbit dari perubahan dalam nilai saksama hartanah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh di mana ianya terbit. Dalam pelupusan hartanah, perbezaan di antara penerimaan pelupusan bersih dan nilai dibawanya akan dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

#### **(i) Penurunan Nilai Aset Bukan Kewangan**

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Pengurus menyemak nilai aset dibawa oleh Tabung Amanah, selain daripada aset kewangan, bagi menentukan sama ada terdapat petanda yang aset tersebut mungkin mengalami pengurangan dalam nilainya. Sekiranya terdapat petanda tersebut, pengurangan dalam nilai diukur secara membanding nilai aset dibawa dengan amaun yang boleh diterima. Amaun boleh terima adalah amaun yang lebih tinggi di antara harga jualan bersih atau nilai digunakan, di mana ianya dikira berdasarkan aliran tunai masa hadapan di diskaukan. Amaun boleh diterima dianggap bagi setiap aset atau, jika tidak boleh, bagi unit penghasilan tunai. Kerugian rosot nilai dicajkan ke penyata untung atau rugi.

Balikan kepada kerugian rosot nilai diiktirafkan pada tahun sebelumnya akan direkodkan apabila terdapat petanda yang menunjukkan kerugian rosot nilai aset sudah tiada atau nilai mulai menurun. Balikan kepada kerugian rosot nilai yang terdahulu diiktiraf sehingga tahap amaun dibawa oleh aset tersebut (tolak pelunasan dan susutnilai) jika sekiranya tiada kerugian rosot nilai diiktiraf. Balikan tersebut diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

#### **(j) Pengiktirafan Pendapatan**

##### **(i) Pendapatan Sewaan**

Pendapatan sewaan daripada pelaburan hartanah diambil kira mengikut dasar terakru.

##### **(ii) Pendapatan Dividen Kasar**

Pendapatan dividen kasar daripada saham disebut harga diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dikenal pasti.

##### **(iii) Pendapatan Lain**

Pendapatan faedah, pendapatan tempat letak kereta dan lain-lain pendapatan berkaitan hartanah/bukan berkaitan hartanah diambil kira mengikut dasar terakru.

### **3. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)**

#### **(k) Pengagihan Dicadangkan**

Pengagihan dicadangkan diambil kira apabila tanggungjawab untuk membayar telah dikenal pasti.

Pengagihan dicadangkan akan dinyatakan dengan cara nota kepada penyata kewangan dan pengagihan tersebut akan diambil kira sebagai pengagihan dari pendapatan belum diagihkan di dalam tahun di mana tanggungjawab untuk membayar telah dikenal pasti.

#### **(l) Tunai dan Persamaan Tunai**

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, deposit panggilan dan pelaburan jangka pendek yang mempunyai kecairan yang tinggi yang mempunyai risiko perubahan dalam nilai yang tidak ketara.

#### **(m) Modal Pemegang-Pemegang Unit**

Modal pemegang-pemegang unit tabung Amanah memenuhi definisi instrumen 'puttable' dan diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti pada Semakan FRS 132. Akibatnya, modal pemegang unit yang sebelumnya diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan, telah direklasifikasi sebagai instrumen ekuiti. Perbandingan amaun telah dinyatakan semula.

#### **(n) Segmen laporan**

Untuk tujuan pengurusan, Tabung Amanah memiliki satu segmen operasi iaitu hartanah. Hasil keputusan operasi secara kebiasaannya akan dilihat oleh Pengurus, yang menganggap peranan pengambil keputusan operasi adalah untuk tujuan penilaian prestasi dan untuk membuat keputusan tentang sumber-sumber yang diperuntukkan kepada setiap segmen pelaburan.

#### **(o) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa adalah amaun yang dijangka bagi cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi keuntungan yang tidak diagihkan yang dicukai bagi tahun semasa dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah termaktub pada tarikh penyata aset dan liabiliti.

#### **(p) Anggaran dan Penilaian Perakaunan yang Signifikan**

Penyediaan laporan kewangan Tabung Amanah menghendaki Pengurus untuk membuat penilaian, anggaran dan andaian yang mempengaruhi jumlah pendapatan, kos, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti kontijensi pada tarikh pelaporan. Namun, ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran boleh menyebabkan hasil yang dapat memerlukan penyesuaian material terhadap nilai tercatat aktiva atau kewajipan di masa depan.

Tidak ada penilaian utama yang telah dibuat oleh Pengurus dalam melaksanakan dasar perakaunan Tabung Amanah. Tidak ada andaian utama tentang sumber-sumber penting masa depan dan ketidakpastian anggaran lain pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko signifikan menyebabkan penyesuaian material terhadap nilai tercatat aset dan liabiliti dalam tahun fiskal berikutnya.

## NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)

### 4. PENDAPATAN SEWAAN KASAR

Pendapatan sewaan kasar Tabung Amanah merangkumi:-

	2010 RM	2009 RM
Pendapatan sewaan	14,198,590	13,662,522
Pendapatan lain hartanah	591,860	307,997
	<u>14,790,450</u>	<u>13,970,519</u>

Termasuk dalam pendapatan sewa adalah amaun sebanyak RM662, 351(2009: RM705, 418) yang diterima daripada syarikat berkaitan seperti dinyatakan dalam Nota 29.

### 5. PERBELANJAAN OPERASI HARTANAH

Termasuk di dalam perbelanjaan operasi adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Perbelanjaan penyelenggaraan, pembaikan dan membaik pulih	967,711	926,485
Cukai pintu	894,875	898,012
Cukai tanah	57,595	57,359
Yuran Pengurus Hartanah*	131,700	133,200

\* Berkenaan pengurusan hartanah yang dimiliki oleh Tabung Amanah, Pengurus Hartanah, Azmi & Co. Building Services Sdn Bhd. ("ACBS"), berhak menerima yuran pengurus hartanah seperti yang dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah. Yuran ini adalah berdasarkan skala berperingkat seperti yang diperuntukkan oleh Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartatanah 1981 yang disemak semula, dan peraturannya.

### 6. YURAN PENGURUSAN

Pada setiap hari sepanjang tempoh terakru, Pengurus, berhak menerima yuran yang tidak melebihi 2% setahun dari nilai aset bersih harian Tabung Amanah seperti yang ditakrifkan di dalam Surat Ikatan Amanah Tabung Amanah. Yuran Pengurusan yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 ialah 1% (2009: 1%) setahun daripada nilai aset bersih harian Tabung Amanah.

Tiada lain-lain yuran, komisyen atau caj perkhidmatan permulaan yang telah dibayar atau perlu dibayar kepada Pengurus.

### 7. YURAN PEMEGANG AMANAH

Pada setiap tempoh terakru, Pemegang Amanah berhak menerima yuran yang tidak melebihi 0.1% setahun dari nilai aset bersih harian Tabung Amanah seperti yang ditakrifkan di dalam Surat Ikatan Amanah Tabung Amanah. Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 ialah RM130,000 (2009: RM130,000).

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)**

**8. KOS BERKAITAN PEMBIAYAAN**

	2010 RM	2009 RM
Kos Pembiayaan	23,019	-
Lain-lain	-	370,565
	<u>23,019</u>	<u>370,565</u>

Termasuk di dalam lain-lain adalah yuran pengatur, duti setem dan yuran guaman terhasil dari Fasilitas Pinjaman "Revolving Credit-i" sebanyak RM65 juta daripada CIMB Islamic Bank Berhad untuk membiayai kerja-kerja menaiktaraf dan mengubahsuai Plaza Vads pada tahun 2009.

**9. CUKAI**

	2010 RM	2009 RM
Perbelanjaan cukai bagi tahun semasa	-	-

Tabung Amanah dikecualikan daripada cukai pendapatan ke atas semua pendapatan sekiranya ia mengagihkan sekurang-kurangnya 90% daripada jumlah pendapatannya kepada pemegang unit dalam tempoh asas menurut peruntukan Seksyen 61(A) Akta Cukai Pendapatan 1967, berkuatkuasa dari tahun taksiran 2007.

Sekiranya kurang daripada 90% daripada jumlah pendapatan diagihkan, keseluruhan pendapatannya akan tertakluk kepada cukai pada kadar 25% (2009: 25%). Jumlah yang diagihkan daripada REIT akan dikasarkan dengan mengambil kira cukai asas REIT dan pemegang unit akan dicukai berdasarkan pengagihan kasar pada kadar cukai berkenaan. Pengagihan tersebut membawa kredit cukai yang membolehkan pemegang-pemegang unit menuntut kredit cukai ke atas cukai yang dikenakan kepada pemegang-pemegang unit.

Tiada perbelanjaan cukai bagi tahun semasa kerana Tabung Amanah akan mengagihkan keseluruhan jumlah pendapatan kena cukai bagi tahun taksiran 2010.

Kadar cukai Malaysia dikira pada kadar cukai berkanun sebanyak 25% (2009: 25%) di atas anggaran keuntungan yang ditaksirkan untuk tahun tersebut.

Penyesuaian bagi perbelanjaan cukai pendapatan yang dikaitkan dengan pendapatan sebelum cukai pada kadar berkanun cukai pendapatan terhadap perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar efektif cukai pendapatan Tabung Amanah adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Pendapatan sebelum cukai	10,225,104	7,463,580
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 25% (2009: 25%)	2,556,276	1,865,895
Kesan bagi pendapatan yang tidak dicukai	(603,729)	(152,830)
Kesan bagi perbelanjaan yang tidak boleh ditolak bagi tujuan cukai	62,544	151,740
Kesan bagi pengagihan pendapatan yang dikecualikan daripada cukai pada peringkat Tabung Amanah	(1,963,509)	(1,687,027)
Penggunaan elaun modal tahun semasa	(51,582)	(177,778)
Perbelanjaan cukai bagi tahun semasa	-	-

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)**

**10. PENDAPATAN SEUNIT**

Pendapatan setiap unit telah dikira dengan membahagikan pendapatan selepas cukai bagi tahun semasa berjumlah RM10,225,104 (2009: RM7,463,580) dengan jumlah unit dalam edaran sebanyak 100,000,000 (2009: 100,000,000).

**11. PENGAGIHAN PENDAPATAN**

	2010		2009	
	Kasar RM	Bersih RM	Kasar RM	Bersih RM
Agihan pendapatan interim sebanyak 3.60 sen seunit dibayar pada 27 Ogos 2010 (2009: 3.25 sen seunit dibayar pada 28 Ogos 2009)	3,600,000	3,600,000	3,250,000	3,250,000
Agihan pendapatan akhir dicadangkan sebanyak 3.60 sen seunit akan dibayar pada 28 Februari 2011 * (2009: 3.75 sen seunit dibayar pada 25 Februari 2010)	3,600,000*	3,600,000*	3,749,921	3,749,921
Jumlah agihan bagi tahun semasa	7,200,000	7,200,000	6,999,921	6,999,921
Agihan seunit (sen)	7.20	7.20	7.00	7.00

\* Bagi tahun berakhir 31 Disember 2010, pengagihan pendapatan akhir sebanyak 3.60 sen seunit (dikecualikan cukai pada peringkat Tabung Amanah), berjumlah RM3,600,000, akan dibayar pada 28 Februari 2011, telah diisytiharkan oleh Pengurus dan diluluskan oleh Pemegang Amanah pada 28 Januari 2011. Penyata kewangan bagi tahun semasa tidak mengambil kira pengagihan yang dicadangkan ini. Pengagihan tersebut akan diambil kira sebagai pengeluaran dari pendapatan belum diagihkan di dalam laporan kewangan berikutnya yang akan berakhir pada 30 Jun 2011.



**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)**

**11. PENGAGIHAN PENDAPATAN (SAMB.)**

**Sumber Pengagihan**

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2010 RM	2009 RM
Pendapatan sewaan bersih	8,979,858	8,897,138
Dividen kasar daripada pelaburan dalam:		
- Aset berkaitan hartanah	-	6,857
- Aset bukan berkaitan hartanah	-	48,810
Pendapatan faedah daripada deposit dengan institusi- institusi kewangan	-	169,867
	<u>8,979,858</u>	<u>9,122,672</u>
Tolak: Perbelanjaan	(1,779,858)	(2,122,751)
Jumlah pengagihan	<u>7,200,000</u>	<u>6,999,921</u>
Agihan pendapatan kasar seunit (sen)	7.20	7.00
Agihan pendapatan bersih seunit (sen)	<u>7.20</u>	<u>7.00</u>

**12. HARTANAH**

	2010 RM	2009 RM
Pada 1 Januari	143,290,000	143,290,000
Kos penambahbaikan dan pengubahsuaian	1,983,891	-
Pelupusan	(1,460,000)	-
Pelarasan nilai saksama	1,931,109	-
Pada 31 Disember	<u>145,745,000</u>	<u>143,290,000</u>

Berikut adalah pelaburan hartanah yang dipegang mengikut tempoh pajakan:

	Pada 31 Disember 2010 RM	Pada 31 Disember 2010 RM	Pada 1 Januari 2009 RM
Tanah dan bangunan pegangan pajakan (pada nilai saksama)	<u>3,935,000</u>	<u>3,935,000</u>	<u>3,935,000</u>

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)**

**12. HARTANAH (SAMB.)**

Maklumat Hartanah	Pegangan Tanah	Tarikh Pembelian	Kos Pembelian dan Pertambahan RM	Nilai Saksama* RM
Plaza VADS, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur	Pegangan bebas	21/03/1989	54,145,226	82,800,000
Bangunan AHP, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur	Pegangan bebas	21/03/1989	33,070,869	41,100,000
Sri Impian, Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur	Pegangan bebas	15/05/1996	13,505,811	10,500,000
Kedai pejabat strata di Butterworth	Pegangan bebas	12/11/1996	965,776	950,000
Kedai pejabat strata di Asia City, Kota Kinabalu	Pegangan pajakan	12/12/1995	1,652,917	1,405,000
Rumah kedai tiga tingkat di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur	Pegangan bebas	16/10/1995	909,879	2,500,000
2 unit kedai pejabat empat tingkat di Pusat Bandar Melawati, Kuala Lumpur	Pegangan bebas	15/06/1996	2,207,063	2,500,000
Kedai pejabat empat tingkat di Pusat Bandar Melawati, Kuala Lumpur	Pegangan bebas	30/08/1996	814,016	1,000,000
Rumah kedai empat tingkat di Miri	Pegangan pajakan	24/05/1996	952,930	880,000
Rumah kedai tiga tingkat di Melaka	Pegangan bebas	18/09/1997	665,506	460,000
Kedai pejabat tiga tingkat di Kangar ^	Pegangan pajakan	24/11/2000	448,891	550,000
Kedai pejabat empat tingkat di Jalan Rubber, Kuching	Pegangan pajakan	30/08/2002	854,556	1,100,000
			110,193,440	145,745,000

\* Nilai pasaran hartanah diatas pada 31 Disember 2010 adalah berdasarkan kepada penilaian semula pada 15 Oktober 2010 oleh firma-firma jurunilai profesional bebas berdasarkan kaedah penilaian perbandingan dan pelaburan menurut Piawaian Penilaian Malaysia.

^ Pada tarikh laporan kedudukan kewangan, hartanah ini di pegang bertujuan untuk di jual oleh Tabung Amanah mengikut perjanjian jual beli tarikh 4 Mac 2010 yang dikuatkuasakan oleh Tabung Amanah dengan PNB.

## NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)

### 12. HARTANAH (SAMB.)

Butiran jurunilai adalah seperti berikut:

Hartanah	Nama Firma	Nama Jurunilai dan Kelayakan
Plaza VADS, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur Rumah kedai tiga tingkat di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur Kedai pejabat strata, Asia City, Kota Kinabalu, Sabah 2 unit kedai pejabat empat tingkat, Pusat Bandar, Melawati, Kuala Lumpur Rumah kedai empat tingkat, Jalan Permaisuri, Miri, Sarawak Kedai pejabat empat tingkat, Jalan Rubber, Kuching, Sarawak	W.M.Malik & Kamaruzaman	Kamaruzaman Jamil BSc Land Administration (Honours), North East London Polytechnic (NELP) United Kingdom FRICS, FISM Registered Valuer - V272
Sri Impian, Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur Kedai pejabat empat tingkat, Pusat Bandar Melawati, Kuala Lumpur Kedai pejabat strata, Jalan Chainferry, Butterworth, Pulau Pinang Rumah kedai tiga tingkat Jalan Semabok, Melaka Rumah kedai tiga tingkat Jalan Indera Kayangan, Kangar, Perlis	IPC Island Property Consultants Sdn. Bhd.	Anjaniman Abu Kassim Advanced Diploma in Estate Management University Technology of MARA M.I.S.M Registered Valuer - V500
Bangunan AHP, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur	Hakimi & Associates Sdn. Bhd.	Hakimi Yaacob Syed Bachelor of Survey Property Management (Hons.), University of Technology Malaysia M.I.S.M Registered Valuer - V269

### 13. ASET BERKAITAN HARTANAH

	Pada 31 Disember 2010 RM
Saham disebut harga, pada nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)	93,627
Keuntungan bersih atas aset berkaitan hartanah pada nilai saksama melalui untung rugi terdiri:	
- Keuntungan nyata diatas pelupusan	-
- Perubahan tidak nyata dalam nilai saksama	13,062
	<u>13,062</u>

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)**

**13. ASET BERKAITAN HARTANAH (SAMB.)**

	<b>Pada 31 Disember 2009 RM</b>	<b>Pada 1 Januari 2009 RM</b>
Saham disebut harga, pada nilai pasaran	48,250	56,000

<b>Saham Disebut Harga</b>	<b>Unit</b>	<b>Kos RM</b>	<b>Nilai Saksama RM</b>	<b>Peratus Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih %</b>
- Hartanah	20,222	32,315	34,377	0.02
- Pelaburan Amanah Harta Tanah	25,000	31,863	59,250	0.04
	<u>45,222</u>	<u>64,178</u>	<u>93,627</u>	<u>0.06</u>

**14. ASET BUKAN BERKAITAN HARTANAH**

	<b>Pada 31 Disember 2010 RM</b>
Saham disebut harga, pada nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)	<u>1,867,047</u>
Keuntungan bersih atas aset berkaitan hartanah pada nilai saksama melalui untung rugi terdiri daripada:	
- Keuntungan nyata diatas pelupusan	51,385
- Perubahan tidak nyata dalam nilai saksama	171,559
	<u>222,944</u>

	<b>Pada 31 Disember 2009 RM</b>	<b>Pada 1 Januari 2009 RM</b>
Saham disebut harga, pada nilai pasaran	<u>1,272,395</u>	<u>1,246,620</u>

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)**

**14. ASET BUKAN BERKAITAN HARTANAH (SAMB.)**

Saham Disebut Harga	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Peratus Nilai
				Saksama atas Nilai Aset Bersih %
- Produk Pengguna	10,000	63,325	70,200	0.05
- Kewangan	50,129	338,949	426,097	0.28
- Projek Infrastruktur	51,500	111,698	125,660	0.08
- Perladangan	30,000	163,981	174,300	0.11
- Perdagangan	155,300	1,007,480	1,070,790	0.70
	296,929	1,685,433	1,867,047	1.22

**15. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN**

	Pada 31 Disember 2010 RM	Pada 31 Disember 2009 RM	Pada 1 Januari 2009 RM
Deposit tetap	2,671,225	1,612,332	2,106,122
Deposit jangka pendek	4,267,626	5,210,539	7,065,237
Deposit Al-Mudharabah	2,030,599	1,378,649	-
	8,969,450	8,201,520	9,171,359

Purata wajaran kadar faedah efektif ("PWKFE") setahun dan purata tempoh matang deposit dengan institusi-institusi kewangan pada tarikh lembaran imbangan adalah seperti berikut:

	31 Disember 2010		1 Januari 2009	
	PWKFE (% setahun)	Purata Tempoh Matang (Hari)	PWKFE (% setahun)	Purata Tempoh Matang (Hari)
Bank-bank berlesen	2.97	16	2.16	13

Termasuk dalam deposit adalah jumlah sebanyak RM2,094,652 (2009: RM3,199,307) ditempatkan di Malayan Banking Berhad ("MBB"), sebuah bank berlesen yang berkaitan dengan Pengurus.



**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)**

**16. PERALATAN, PERABOT DAN KELENGKAPAN**

	Peralatan RM	Perabot dan Kelengkapan RM	Peralatan Komputer RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>				
Pada 1 Januari/ 31 Disember	47,248	53,755	18,679	119,682
<b>Susutnilai terkumpul</b>				
Pada 1 Januari 2010	44,132	53,735	18,672	116,539
Dicajkan dalam tempoh 31 Disember 2010	1,768	-	-	1,768
	45,900	53,735	18,672	118,307
<b>Nilai Buku Bersih</b>				
Pada 31 Disember 2010	1,348	20	7	1,375
Pada 31 Disember 2009	3,116	20	7	3,143
<b>Susutnilai dicaj bagi tahun 2009</b>				
	1,912	-	-	1,912

Termasuk di dalam peralatan, perabot dan kelengkapan Tabung Amanah adalah aset yang telah disusutnilai sepenuhnya yang masih digunakan yang mempunyai kos sebanyak RM113,291 (2009: RM110,242)

**17. CUKAI BOLEH DITUNTUT**

Cukai boleh dituntut mewakili cukai ditolak pada sumber pendapatan dividen di Malaysia dan boleh dituntut daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Akta Cukai Pendapatan 1967 telah dipinda pada 28 Disember 2007 dengan memperkenalkan sistem cukai korporat satu tahap berkuatkuasa dari tahun taksiran 2008. Di bawah sistem cukai korporat satu tahap, pengagihan dividen kepada pemegang-pemegang saham akan dikecualikan daripada cukai.

Walaupun bagaimanapun, tempoh peralihan untuk jangka masa enam tahun (tahun taksiran 2008 ke 31 Disember 2013) untuk membolehkan syarikat-syarikat mematuhi beberapa syarat, untuk terus membayar dividen menurut sistem imputasi terhad (peralihan). Dividen yang dibayar menurut sistem imputasi terhad (peralihan) adalah tertakluk kepada cukai pada peringkat pemegang-pemegang saham. Pemegang-pemegang saham boleh menuntut cukai yang ditolak pada sumber pembayaran dividen sebagai kredit cukai.

Syarikat-syarikat yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang diperlukan di bawah sistem imputasi terhad (peralihan) akan membayar dividen di bawah sistem cukai satu tahap. Pada 1 Januari 2014, semua syarikat akan membayar dividen di bawah sistem cukai satu tahap.

Kesan potensi ke atas Tabung Amanah adalah seperti berikut:

Semasa tempoh peralihan, sekiranya Tabung Amanah menerima pendapatan dividen syarikat-syarikat pelaburan yang membayar dividen menurut sistem imputasi terhad (peralihan), Tabung Amanah akan terus dapat menuntut cukai yang ditolak pada sumber bayaran balik daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri sekiranya Tabung Amanah memenuhi beberapa syarat.

Walaupun bagaimanapun, oleh kerana dividen satu tahap adalah dikecualikan oleh cukai dan oleh itu, tiada cukai akan ditolak pada sumber, tiada kredit cukai boleh dituntut daripada dividen yang di terima oleh Tabung Amanah.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)**

**18. PENGHUTANG PERDAGANGAN**

	<b>Pada 31 Disember 2010 RM</b>	<b>Pada 31 Disember 2009 RM</b>	<b>Pada 1 Januari 2009 RM</b>
Penghutang perdagangan	976,062	1,375,437	397,523

Syarat kredit perdagangan normal bagi Tabung Amanah adalah selama 30 hari. Penghutang perdagangan tidak dikenakan faedah. Mereka diiktiraf pada jumlah invois asal mereka yang menunjukkan nilai saksama pada awal pengiktirafan.

Tabung Amanah tidak mempunyai tumpuan yang ketara terhadap risiko kredit yang mungkin akan timbul dari pendedahan kepada satu penghutang atau sekumpulan penghutang.

Analisis tempoh hayat penghutang perdagangan

Analisis tempoh hayat penghutang perdagangan adalah seperti berikut:

	<b>Pada 31 Disember 2010 RM</b>	<b>Pada 31 Disember 2009 RM</b>	<b>Pada 1 Januari 2009 RM</b>
Sama ada lampau tempoh atau tidak, tiada nilai	659,361	927,278	135,669
31 ke 60 hari lampau tempoh tidak terjejas	20,354	353,980	68,605
61 ke 90 hari lampau tempoh tidak terjejas	1,850	56,263	59,088
91 ke 120 hari lampau tempoh tidak terjejas	1,850	1,620	104,513
Lebih dari 121 hari lampau tempoh tidak terjejas	292,647	36,296	29,648
	976,062	1,375,437	397,523
Penurunan nilai	-	-	-
	976,062	1,375,437	397,523

Hutang belum terima yang tidak lampau tempoh atau terjejas

Penghutang perdagangan yang tidak lampau tempoh atau terjejas yang menerima kepercayaan kredit penghutang dengan rekod bayaran yang baik dengan Tabung Amanah.

Tidak ada penghutang perdagangan Tabung Amanah yang telah lampau tempoh atau terjejas yang telah dipersetujui semula sepanjang tahun kewangan.

Hutang belum terima yang lampau tempoh atau terjejas

Tabung Amanah mempunyai penghutang perdagangan sebanyak RM316,701 (31 Disember 2009: RM448,159; 1 Januari 2009: RM261,854) yang lampau tempoh pada tarikh pelaporan tetapi tidak terjejas.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)**

**19. PENGHUTANG-PENGHUTANG LAIN**

	<b>Pada 31 Disember 2010 RM</b>	<b>Pada 31 Disember 2009 RM</b>	<b>Pada 1 Januari 2009 RM</b>
Amaun terhutang daripada penyewa untuk caj elektrik dan air, perkhidmatan hawa dingin, ruang peralatan antena, pusat penjaja dan lain-lain	203,106	131,345	171,653
Dividen	1,200	7,551	29,611
Pendapatan faedah	17,677	5,733	9,409
Deposit	151,046	114,226	116,623
Prabayar	411,770	282,888	95,333
Lain-lain	55,000	30,341	-
	<u>839,799</u>	<u>572,084</u>	<u>422,629</u>

Tabung Amanah tidak mempunyai konsentrasi yang ketara terhadap risiko kredit yang mungkin akan timbul dari pendedahan kepada satu penghutang atau sekumpulan penghutang.

**20. TUNAI DAN BAKI DI BANK**

Termasuk dalam tunai dan baki di bank adalah jumlah sebanyak RM16,063 (2009: RM4,475) yang ditempatkan di MBB, sebuah bank berlesen yang berkaitan dengan Pengurus.

**21. KEMUDAHAN KREDIT PUSINGAN**

Pada tarikh 17 Julai 2008, Tabung Amanah memperoleh kemudahan kredit pusingan Islam "Revolving Credit-i" sebanyak RM65 juta daripada CIMB Islamic Bank Berhad untuk membiayai peningkatan dan perbaikan bagi Plaza VADS.

Pada tarikh bagi 31 Disember 2010, jumlah kemudahan yang telah Tabung Amanah gunakan adalah sebanyak RM933,689 (2009: Sifar). Baki semasa kemudahan tersebut yang belum dijelaskan akan matang pada 15 April 2011.

**22. DEPOSIT-DEPOSIT SEWAAN**

	<b>Pada 31 Disember 2010 RM</b>	<b>Pada 31 Disember 2009 RM</b>	<b>Pada 1 Januari 2009 RM</b>
Perlu dibayar dalam masa 12 bulan	1,369,220	1,922,451	702,739
Perlu dibayar selepas 12 bulan	2,702,404	2,017,986	3,054,386
	<u>4,071,624</u>	<u>3,940,437</u>	<u>3,757,125</u>

Termasuk dalam deposit sewaan adalah jumlah sebanyak RM215,262 (2009: RM207,754) diterima daripada syarikat-syarikat berkaitan dengan Pengurus seperti dinyatakan dalam Nota 29.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)**

**23. PEMIUTANG-PEMIUTANG LAIN**

	<b>Pada 31 Disember 2010 RM</b>	<b>Pada 31 Disember 2009 RM</b>	<b>Pada 1 Januari 2009 RM</b>
Akruan untuk perbelanjaan operasi hartanah	218,545	363,289	614,733
Sewaan pendahuluan diterima	116,314	120,614	114,870
Kos pembiayaan perlu dibayar	7,422	-	-
Pelbagai pemiutang	178,313	128,395	241,729
	<u>520,594</u>	<u>612,298</u>	<u>971,332</u>

**24. TERHUTANG KEPADA PENGURUS**

Jumlah terhutang kepada Pengurus adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tiada jadual pembayaran yang tetap.

**25. JUMLAH EKUITI**

Komponen-komponen jumlah ekuiti Tabung Amanah unit pada tarikh kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

		<b>Pada 31 Disember 2010 RM</b>	<b>Pada 31 Disember 2009 RM</b>	<b>Pada 1 Januari 2009 RM</b>
Unit dalam edaran	26	100,000,000	100,000,000	100,000,000
Pendapatan terkumpul		53,666,898	50,791,715	50,078,135
		<u>153,666,898</u>	<u>150,791,715</u>	<u>150,078,135</u>

Pendapatan terkumpul terdiri daripada berikut:

Pendapatan belum diagihkan nyata bersih	17,904,274	17,212,474	17,102,708
Pendapatan belum diagihkan tidak nyata bersih	35,762,624	33,579,241	32,975,427
	<u>53,666,898</u>	<u>50,791,715</u>	<u>50,078,135</u>

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)**

**26. UNIT DALAM EDARAN**

	Bilangan Unit		Jumlah	
	2010	2009	2010 RM	2009 RM
Dibenarkan Pada 1 Januari/ 31 Disember			1,000,000,000	1,000,000,000
Diterbitkan dan dibayar penuh: Pada 1 Januari/ 31 Disember	100,000,000	100,000,000	100,000,000	100,000,000

